

# AUTISME BUKANNYA KEKURANGAN, TETAPI KEISTIMEWAAN

Oleh Syazanna Hadenan

**B**ERAT mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itu yang boleh saya katakan tatkala melihat anak autisme itu bermain bersama-sama keluarganya. Saya tidak menganggap anak autisme sebagai bebanan kepada mereka, namun saya percaya bahawa itu rezeki terbaik yang Allah dikurniakan oleh Allah kepada mereka. Mereka ibu bapa yang kuat dan tabah untuk menjaga, membesarkan, dan melindungi anak autisme ini. Saya percaya bahawa terlalu banyak ujian dan cabaran yang terpaksa dilalui sepanjang membesarkan anak ini. Namun demikian, ibu bapa tetap sabar dan kalis akan pandangan orang luar terhadap anak mereka. Kasih sayang terhadap anak autisme ini tidak pernah dibezakan berbanding dengan anak yang lain. Anak autisme ini memerlukan perhatian, kasih sayang lebih, dan pemahaman yang lebih daripada ibu bapa sendiri. Maka tidak hairanlah sekiranya anak autisme ini sering menjadi fokus utama dalam keluarga.


Teringat akan kali pertama pertemuan saya dengan anak autisme. Pada ketika itu, saya dan suami ke rumah pemilik rumah sewa, Kak Ros, untuk membincangkan urusan rumah sewa. Kami dijemput masuk untuk berbincang. Usai berbincangan, anak

Kak Ros turun dari tingkat atas untuk bermain di ruang tamu. Pada ketika itu, salah seorang anak Kak Ros begitu aktif dan bertenaga ketika bermain, namun saya hairan kerana dia kerap mengulangi perbuatan yang dilakukan. Anak kecil itu tanpa lelah terus berpusing mengelilingi meja kopi di bahagian ruang tamu. Sesekali ditegur dan dilarang oleh Kak Ros, namun tiada respons daripada anak kecil itu. Anak kecil itu terus mengulangi perkara yang sama tanpa rasa penat, sehinggalah suami Kak Ros datang dan mengambil si kecil itu.

Kami hanya melihat tanpa memikirkan apa-apa. "Anak saya itu anak autisme," ujar Kak Ros. "Sebab itu dia terlalu hiperaktif dan tidak mepedulikan sesiapa. Memang penat menjaga anak istimewa ini, tetapi Kak Ros bersyukur kerana dikurniai anak syurga".

Daripada raut wajah Kak Ros, terpancar keletihan. Daripada katanya, tergambar betapa penat dia menjaga anak autisme ini. Namun demikian, kerana mengingatkan bahawa anak itu amanah dan rezeki Allah, maka mereka reda dan ikhlas untuk menerima si kecil itu.

Sesuai itu, kami pulang dan di dalam kereta, kami berbincang tentang perihal anak kecil itu. Dari luaran, anak itu



kelihatan normal sahaja dan tidak boleh dibezakan daripada kanak-kanak yang lain. Namun begitu, apabila diberitahu, barulah dapat dilihat keistimewaan mereka. Pengalaman pertama bertemu dengan anak autisme ini memberikan pendedahan dan ilmu baharu mengenai mereka.

Tidak lama selepas itu, salah seorang rakan alam maya saya berkongsi cerita mengenai anaknya yang didiagnosis dengan autisme. Aishah Amin mempunyai anak yang disahkan *moderate autism* dan *non-verbal* autisme. Ibu Aishah mengesyaki bahawa cucunya menghidap autisme kerana kelihatan berbeza daripada kanak-kanak yang lain. Pada mulanya, beliau menolak pendapat ibunya dan menafikan keadaan anaknya. Namun demikian, setelah semakin serius melihat perubahan anaknya dan

mempunyai persamaan dengan ciri kanak-kanak autisme yang lain, beliau dan suami mengambil keputusan untuk berjumpa dengan doktor.

Setelah disahkan oleh pakar akan keadaan anaknya, beliau mengambil masa untuk memahami dan mempelajari ilmu mengenai autisme. Walaupun sedih pada awalnya, mereka sekeluarga tetap tabah menerimanya dan menganggapnya sebagai rahmat. Tambahan pula, beliau dan suami bekerja dari rumah. Hal ini memudahkan mereka untuk memantau dan mengajar anak kecil itu. Kini anaknya sudah memasuki umur empat tahun dan lebih mudah dikawal berbanding dengan semasa kecil. Beliau telah mula menghantar anaknya ke pelbagai kelas dan terapi bagi membantunya untuk berdikari. Menurutnya, walaupun kian

mudah untuk menjaga si kecil itu, mereka harus sentiasa berwaspada dan peka terhadap keadaan sekeliling.

Sekali anak kecil itu akan mengalami *meltdown* dan menyebabkan dia menjadi marah dan mengamuk. Yang dilakukan oleh Aishah adalah dengan tidak memaksa anaknya berhenti dan memberikan ruang dan masa kepada anaknya untuk bertenang sendiri. Walaupun sukar untuk membawa anak mereka ke tempat awam, mereka tetap membiaskan si kecil itu dengan persekitaran luar untuk mengelakkan kejutan.

Aishah percaya bahawa terapi, didikan daripada guru khas autisme, serta sokongan daripada keluarga akan membantu anaknya untuk menjadi lebih baik dan mencari potensi diri. Sehingga kini, anaknya telah memasuki sekolah

khas autisme dan mencapai banyak peningkatan. Walaupun harapan untuk sembuh sepenuhnya seperti kanak-kanak lain tipis, dengan sokongan dan bantuan, simptom autisme dapat dikurangkan.

Harapan Aishah ialah untuk mendengar anak kecilnya berkata-kata, memanggilnya "mama", dan dapat menceritakan dunianya sendiri daripada pandangan mata si kecil itu pada satu hari nanti. Beliau percaya bahawa pemikiran anak ini tersangat istimewa dan berbeza daripada yang lain. Beliau mahu agar lebih banyak kempen kesedaran mengenai anak autisme ini dapat dijalankan pada masa hadapan agar kita sentiasa bersedia untuk menerima mereka dengan hati terbuka dan tanpa prejudis.

Secara umumnya, tidak banyak orang yang tahu tentang autisme dan ciri kanak-kanak autisme. Autisme ialah sejenis penyakit gangguan pertumbuhan tumbesaran seseorang kanak-kanak yang mengganggu perkembangan otak dalam masa jangka panjang yang memberikan kesan dalam pemikirannya dan dalam proses informasi. Perkataan autisme berasal daripada bahasa Greek, *autos*, yang membawa maksud "sendiri". Menurut Beuler, autisme dimaksudkan "melarikan diri daripada realiti". Kadar autisme dalam kalangan kanak-kanak adalah

antara satu hingga dua orang dalam 1000 dan empat kali ganda lebih kerap dalam kalangan kanak-kanak lelaki. Penyakit autisme boleh terjadi kepada sesiapa sahaja tanpa mengira agama, bangsa atau kedudukan sosial.

Punca autisme masih tidak diketahui, namun terdapat beberapa faktor risiko untuk autisme. Antaranya termasuklah

usia ibu dan bapa yang meningkat, masalah lahir pramatang (di bawah 33 minggu), faktor genetik yang menyebabkan masalah perkembangan otak, masalah gangguan fungsi otak disebabkan jangkitan, masalah semasa kehamilan atau kelahiran, dan faktor genetik apabila ibu atau bapa mempunyai sejarah autisme dalam keluarga.

Walaupun tiada ubat untuk menyembuhkan anak autisme ini, mereka masih perlu dirawat dengan memfokuskan gejala yang berkaitan. Sebagai contohnya, ubat mungkin diberikan untuk membantu urusan masalah hiperaktif, masalah tidak mampu fokus, kemurungan atau sawan. Selain rawatan untuk gejala tertentu, terdapat juga rawatan yang menumpukan pendekatan kelakuan dan komunikasi.

Terapi tingkah laku dan komunikasi ini penting dalam perkembangan kanak-kanak ini kerana direka khas untuk membetulkan gejala tertentu dan membawa peningkatan terbasar dalam pencapaian kanak-kanak itu. Kebanyakan profesional kesihatan bersetuju bahawa intervensi awal memberikan lebih banyak impak positif



### Ciri-ciri atau tanda awal autisme:

- Tidak mengukir senyuman, tergelak, atau menunjukkan ekspresi gembira atau suka ketika bayi berusia enam bulan.
- Tiada hubungan mata atau hubungan mata yang terhad ketika bayi berusia enam bulan.
- Tidak membuat bunyi, senyum, atau ekspresi wajah ketika bayi berusia sembilan bulan.
- Tidak mengagah ketika bayi berusia 12 bulan.
- Tidak membuat gerak isyarat untuk berkomunikasi, seperti melambai dan mencapai, ketika bayi berusia 12 bulan.
- Tidak memberikan tindak balas ketika namanya dipanggil ketika bayi berusia 12 bulan.
- Tidak berceloteh ketika bayi berusia 16 bulan.
- Tidak mengeluarkan perkataan ketika berusia dua tahun.
- Langsung tidak bercakap atau menunjukkan kemahiran sosial pada semua peringkat umur.

## Tanda lain yang boleh diperhatikan:

- Mengelakkan hubungan mata dan lebih suka bersendirian.
- Sukar untuk memahami perasaan orang lain.
- Perkembangan pertuturan yang lambat.
- Mengulang perkataan atau frasa berulang-kali.
- Cepat marah dengan perubahan kecil dalam rutin atau persekitaran.
- Mempunyai minat yang sangat terhad.
- Menunjukkan tingkah laku berulang-ulang, seperti berpusing atau goyang badan.
- Mempunyai tindak balas luar biasa atau reaksi keterlaluan terhadap bunyi, bau, rasa, tekstur, cahaya atau warna.

dan membantu perkembangan individu tersebut

Kanak-kanak autisme memerlukan penjagaan khas dan secara perseorangan kerana penjagaan mereka secara berterusan dan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Mereka tidak menghiraukan keadaan sekeliling dan tidak merasa kewujudan orang lain. Mereka seolah-olah berada dalam dunia sendiri. Mereka tidak boleh tertekan kerana anak autisme ini tidak pandai mengawal tekanan dan boleh mencetuskan kelakuan marah dan amuk yang berlebihan. Sesetengah daripada mereka boleh mengamuk sehingga mencederakan diri sendiri dan orang di sekeliling.

Bahan wujud secara langsung atau alat bantuan seperti gambar perlu

diperbanyak kerana lebih mudah untuk menterjemahkan bahan tersebut berbanding dengan menggunakan imaginasi mereka sendiri. Ibu bapa juga perlu mengajarkan kemahiran bersosial kepada anak dari kecil. Biasakan mereka dalam berkumpul, Tarik perhatian mereka dengan bercerita, aktiviti yang memerlukan kerjasama daripada dua pihak dan sebagainya. Sediakan persekitaran yang selamat, jadual rutin yang sama, dan suasana yang tenang kepada anak autisme ini. Persediaan ini boleh meredakan tekanan dan menjadikan mereka lebih tenang dan mudah untuk dikawal.

Walaupun tiada penawar dan akan berkekalan sehingga meningkat usia, ibu bapa seelok-eloknya memberikan latihan untuk mengurus diri sejak

awal lagi untuk persediaan mereka menempuh alam dewasa. Oleh itu, kepekaan ibu bapa dan pengesanan awal sangat penting. Daftarkan anak ini di sekolah khas bagi membantu mereka dalam masalah komunikasi dan sosial serta mengajar mereka akan tingkah laku yang sesuai agar mampu menguasai kemahiran untuk hidup kelak.

Secara kesimpulannya, mempunyai anak autisme ini bukanlah sesuatu yang memalukan bagi ibu bapa. Hentikan tindakan menafikan keadaan dan hak anak autisme. Mereka memerlukan bantuan dan pemahaman daripada orang yang tersayang. Anak ini terperangkap dalam dunia mereka sendiri dan memerlukan bantuan bagi menyatakan emosi mereka. Anak autisme ini bukanlah bermaksud kurang keupayaan, sebaliknya hanya perkembangan dan cara untuk membesarkan mereka yang sedikit berbeza. Lihat Zarina Zainuddin, Fynn Jamal, dan Catriona Ross yang sering berkongsi cerita mengenai anak autisme mereka di laman sosial tanpa segan silu. Di samping itu, hal ini dapat memberikan kesedaran dan membuka minda orang ramai mengenai penyakit ini. Mereka telah menunjukkan kepada dunia bahawa tidak salah mempunyai anak autisme. Ingatlah bahawa setiap anak itu istimewa, dan mereka berjaya di ruang dan kapasiti tersendiri. 